

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LEE TIAN SING

TARIKH : 12 DISEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 69

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah penguatkuasaan Kerajaan terhadap isu rasuah di dalam pengeluaran lesen memandu.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Kementerian Pengangkutan sememangnya memandang serius akan gejala rasuah dalam semua jenis urusan yang terlibat. Berhubungan dengan menangani isu gejala rasuah dalam pengeluaran lesen terbang di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), pelbagai langkah pencegahan dan penguatkuasaan telah diambil.
2. Pada masa ini, JPJ sedang menjalinkan kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menjalankan siasatan terhadap sindiket yang terlibat dengan jenayah komersial ini. Pihak SPRM juga telah menahan reman beberapa anggota dan pegawai JPJ di seluruh Malaysia yang disyaki terlibat bagi memberi keterangan untuk membantu siasatan.
3. Dalam hal ini pihak Kementerian dan JPJ akan sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan ke atas anggota yang terlibat. Sekiranya didapati berlaku salah guna kuasa berhubung dengan rasuah pengeluaran lesen terbang, tindakan tatatertib akan dikenakan tanpa kompromi

Sekian, terima kasih.